

Rom

¹ Daripada Paulus, hamba Isa al-Masih yang dipanggil untuk menjadi rasul, dan dipilih khas untuk menyebarkan Injil daripada Allah. ² Injil ini telah dijanjikan-Nya dahulu melalui nabi-nabi-Nya, sebagaimana tersurat di dalam Kitab Suci, ³ iaitu tentang Putera-Nya. Sebagai manusia Dia telah dilahirkan dari keturunan Daud, ⁴ namun dengan Roh Suci, Dia telah diisytiharkan melalui kuasa yang besar sebagai Putera Allah, iaitu dengan kebangkitan-Nya daripada kematian. Dialah Isa al-Masih, Junjungan kita. ⁵ Melalui Isa al-Masih dan demi nama-Nya, kami diberi kasih kurnia dan jawatan rasul untuk menyeru manusia dari segala suku bangsa supaya taat dalam iman kepada-Nya. ⁶ Kamu juga termasuk dalam golongan itu, kerana Allah telah memanggilmu menjadi umat Isa al-Masih.

⁷ Aku menulis kepada kamu sekalian di Rom, yang dikasihi oleh Allah dan dipanggil menjadi orang salih.

Semoga Allah Bapa kita dan Junjungan Isa al-Masih memberimu kasih kurnia dan kesejahteraan.

Paulus ingin pergi ke Rom

⁸ Pertama sekali, aku bersyukur kepada Allah Tuhanku melalui Isa al-Masih kerana kamu sekalian, disebabkan seluruh dunia memperkatakan imanmu. ⁹ Allah, yang kusembah sepenuh hati dalam menyebarkan Injil Putera-Nya, menjadi saksi bahawa aku sentiasa menginglatimu ¹⁰ dalam doaku, dan memohon semoga dengan izin Allah aku dapat mengunjungimu.

¹¹ Aku sungguh ingin berjumpa dengan kamu untuk menyampaikan sesuatu pemberian rohani bagi menguatkanmu; ¹² maksudku, supaya kita saling meneguhkan semangat: aku mendapat keteguhan daripada imanmu, dan kamu daripada imanku. ¹³ Ketahuilah wahai saudara-saudaraku, aku telah merancang berkali-kali untuk menjunjungimu, namun hingga kini ada saja aral melintang. Aku ingin agar pelayananku di kalanganmu membuahkan hasil, seperti di kalangan bangsa-bangsa asing yang lain.

¹⁴ Aku memikul kewajiban terhadap orang Yunani dan yang bukan orang Yunani, yang bertamadun dan yang tidak bertamadun, yang berpendidikan dan yang tidak berpendidikan. ¹⁵ Inilah sebabnya aku amat ingin dan bersedia menyebarkan Injil di kalanganmu yang di Rom juga.

¹⁶ Aku tidak teragak-agak menyebarkan Injil, kerana ia adalah kuasa daripada Allah untuk menyelamatkan setiap orang yang beriman, mula-mula kepada orang Yahudi kemudian kepada bangsa asing. ¹⁷ Kerana di dalamnya kebenaran Allah dinyatakan dari iman ke iman, sebagaimana tersurat di dalam Kitab Suci: 'Orang benar akan hidup dengan iman.'

Murka Allah terhadap manusia

¹⁸ Kemurkaan Allah ternyata dari syurga terhadap segala kefasiqan dan kedurjanaan yang dilakukan oleh manusia, yang menyembunyikan kebenaran dengan kedurjanaan, ¹⁹ kerana segala yang mungkin diketahui oleh manusia tentang Allah telah nyata bagi mereka; Allah sendiri telah menyatakannya kepada mereka. ²⁰ Sejak wujudnya alam semesta, sifat-sifat Allah yang tidak dapat dilihat dengan mata, iaitu kuasa-Nya yang kekal dan ketuhanan-Nya, semuanya jelas ternyata serta difahami

melalui segala ciptaan-Nya. Oleh itu tiada alasan bagi memaafkan mereka.

²¹ Walaupun mereka telah mengenal Allah, tetapi mereka tidak memuliakan-Nya dan tidak memuji-Nya dengan syukur, sebaliknya mereka memikirkan yang sia-sia dan jiwa mereka yang tolol diliputi kegelapan. ²² Mereka mengaku bijaksana, tetapi sebenarnya mereka tolol. ²³ Mereka berpaling daripada kemuliaan Allah yang kekal lalu menyembah patung-patung yang diperbuat seperti bentuk manusia yang fana, burung, haiwan berkaki empat dan binatang yang menjalar.

²⁴ Oleh itu Allah membiarkan mereka menurut nafsu melakukan pelbagai noda, maka mereka mencemari tubuh sesama sendiri. ²⁵ Mereka merangkul yang palsu dan berpaling daripada yang benar daripada Allah. Mereka menyembah makhluk ciptaan dan berpaling daripada Allah Pencipta Yang Maha Suci dan Maha Tinggi selama-lamanya. Amin.

²⁶ Itulah sebabnya Allah membiarkan mereka didorong hawa nafsu yang keji. Kaum wanita mereka pun berpaling daripada yang tabii kepada yang di luar tabii. ²⁷ Demikian juga kaum lelaki. Mereka berpaling daripada hubungan tabii dengan wanita dan dibakar syahwat terhadap sama sejenis. Lelaki dengan lelaki melakukan perkara yang aib, lalu menerima di dalam diri mereka hukuman yang setimpal.

²⁸ Oleh sebab mereka enggan mengenal Allah, maka Allah membiarkan mereka dikuasai fikiran yang hina, sehingga mereka melakukan perkara-perkara yang tidak wajar. ²⁹ Mereka dipenuhi segala kemungkaran, kedurjanaan, ketamakan dan kecabulan. Mereka diselubungi hasad dengki, pembunuhan, persengketaan, penipuan

dan niat durjana. Mereka pengumpat, penyebar fitnah, ³⁰ pembenci Allah, biadab, angkuh, bercakap besar, pereka perkara durjana, ingkar kepada ibu bapa, ³¹ tidak tahu membezakan buruk dan baik, tidak boleh dipercayai, tidak mengasihi, tidak berhati perut, tidak mempunyai belas kasihan. ³² Mereka mengetahui hukuman Allah yang adil, iaitu sesiapa yang melakukan perkara demikian wajar dihukum mati. Namun, mereka bukan sahaja melakukannya malah juga menyokong orang lain yang mengamalkannya.

2

Hukuman Allah yang adil

¹ Oleh itu kamu tidak boleh berdalih hai manusia, walau siapapun kamu, apabila kamu menghakimi orang. Pada waktu kamu hakimi orang lain, kamu juga menjatuhkan hukuman kepada dirimu sendiri; kerana kamu yang menghakimi juga melakukan perkara yang sama. ² Tetapi kita tahu bahawa hukuman Allah berdasarkan kebenaran dan dijatuhkan ke atas mereka yang mengamalkan perkara demikian. ³ Wahai manusia, apabila kamu menghakimi orang yang mengamalkan perkara demikian sedangkan kamu sendiri melakukannya juga, adakah kamu sangka kamu akan terlepas daripada hukuman Allah? ⁴ Atau adakah kamu memperkecil kebaikan, kemurahan serta kesabaran Allah yang amat besar, dan tidak tahu bahawa kebaikan Allah membawamu ke pintu taubat?

⁵ Dengan hati batumu yang tidak bertaubat, kamu mengumpul musibah kemurkaan Allah yang akan menimpamu pada hari kemurkaan dan ternyata hukuman Allah yang adil. ⁶ Allah akan 'membalas kepada setiap orang setimpal dengan perbuatannya'. ⁷ Bagi

mereka yang terus berbuat baik dengan sabar demi mendapatkan kemuliaan, kehormatan dan keabadian, Dia akan memberikan hidup yang kekal; ⁸ manakala bagi mereka yang mementingkan diri dan tidak taat akan kebenaran tetapi menjunjung kedurjanaan, maka kemarahan dan kemurkaan Allah akan menimpa mereka. ⁹ Kesusahan dan kesengsaraan akan menimpa diri setiap orang yang melakukan kedurjanaan: mula-mula kepada orang Yahudi, kemudian kepada orang bukan bani Israel juga; ¹⁰ tetapi kemuliaan, kehormatan dan kesejahteraan akan dicurahkan kepada setiap orang yang berbuat baik: mula-mula orang Yahudi, kemudian bangsa asing juga. ¹¹ Allah tidak menghakimi berat sebelah.

¹² Sekalian yang telah melakukan dosa tanpa mengenal hukum Taurat akan binasa tanpa hukum Taurat. Sekalian yang melakukan dosa sedangkan mereka mengenal hukum Taurat akan dihakimi menurut hukum Taurat. ¹³ Ini kerana orang yang benar di sisi Allah bukanlah mereka yang mendengar hukum Taurat, tetapi mereka yang mengamalkan ajarannya. ¹⁴ Apabila orang bukan bani Israel, yang tidak mempunyai hukum Taurat, secara tabii melakukan perkara-perkara yang terkandung di dalam hukum Taurat, maka mereka ini adalah hukum bagi diri mereka sendiri. ¹⁵ Hukum itu tersurat di hati mereka dan hati nurani mereka juga naik saksi. Fikiran mereka menuduh atau membela mereka, ¹⁶ pada hari Allah menghakimi segala rahsia manusia melalui Isa al-Masih, menurut Injil yang kuberitakan.

Orang Yahudi dan Taurat Musa

¹⁷ Kamu memanggil dirimu orang Yahudi, dan bergantung kepada hukum Taurat serta berbangga kerana hubunganmu dengan Allah. ¹⁸ Kamu mengetahui kehendak-Nya, dan menyokong segala yang baik, kerana

kamu telah diajarkan hukum Taurat. ¹⁹ Kamu yakin bahawa kamulah yang memimpin orang buta, yang menerangi orang dalam kegelapan, ²⁰ yang mengajar orang bodoh, yang mengasuh anak kecil, kerana kamu mempunyai garis-garis ilmu dan kebenaran dalam hukum Taurat. ²¹ Dengan demikian, kamu yang mengajar orang lain, tidakkah kamu mengajar diri sendiri? Kamu yang berkhotbah melarang orang mencuri, adakah kamu sendiri mencuri? ²² Kamu yang berkata, 'Jangan berzina,' adakah kamu melakukan zina? Kamu yang membenci berhala, adakah kamu merompak tempat ibadat? ²³ Kamu yang berbangga dengan hukum Taurat, adakah kamu menghina Allah dengan melanggar hukum itu? ²⁴ 'Nama Allah dikufuri di kalangan orang bukan bani Israel akibat perbuatanmu' – demikianlah yang telah tersurat.

²⁵ Persunatan memang bermanfaat jika kamu taat akan hukum Taurat; tetapi sekiranya kamu melanggar hukum Taurat, batallah persunatan itu. ²⁶ Oleh yang demikian, jika seorang yang tidak bersunat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam hukum Taurat, tidakkah dia dikira sebagai telah bersunat? ²⁷ Jika orang tidak bersunat mematuhi hukum Taurat, tidakkah dia menghakimi kamu kerana walaupun kamu mempunyai hukum bertulis dan persunatan namun kamu melanggar hukum itu?

²⁸ Seseorang dikira Yahudi bukanlah berasaskan keadaan lahiriah; dan persunatan bukanlah bergantung pada keadaan jasmani. ²⁹ Seseorang dikira orang Yahudi berasaskan keadaan batiniah; dan persunatan adalah di hati dan bersifat rohani bukan mengikut hukum yang tersurat dalam Taurat. Orang sedemikian mendapat pujian bukan daripada manusia tetapi daripada Allah.

3

Kesetiaan Allah

¹ Oleh itu apakah kelebihan seorang Yahudi, dan apakah manfaat persunatan? ² Sungguh banyak dalam segala hal! Terutamanya kerana Firman Allah dipercayakan kepada mereka.

³ Jika sesetengah mereka tidak beriman, adakah ini menjadikan kesetiaan Allah tidak berkesan? ⁴ Sama sekali tidak! Allah tetap benar biarpun setiap manusia itu pembohong. Sebagaimana tersurat:

‘Supaya Engkau didapati benar dalam
kata-kata-Mu,
dan akan menang apabila
Engkau dihakimi.’

⁵ Tetapi jika kemungkarannya menunjukkan kebenaran Allah, apa yang harus kita katakan? Adakah Allah tidak adil menimpakan kemurkaan-Nya? (Aku bercakap sebagai seorang manusia.) ⁶ Sama sekali tidak! Kerana jika demikian, bagaimana Allah dapat menghakimi dunia! ⁷ Jika kebenaran Allah bertambah kerana aku mendustai kemuliaan-Nya, mengapa aku tetap dihakimi sebagai orang berdosa? ⁸ Dan mengapa tidak dikatakan, ‘Mari kita berbuat jahat supaya hasilnya baik.’ Demikian orang memfitnahkan kita berkata dan sesetengahnya menegaskan bahawa kita berkata begitu. Hukuman atas mereka itu memang wajar.

Semua manusia berdosa

⁹ Jadi bagaimana? Adakah kita lebih baik daripada mereka? Tidak sekali-kali. Kerana dahulu kita telah mengatakan bahawa baik orang Yahudi mahupun

bukan Yahudi semuanya berada di bawah kuasa dosa.

¹⁰ Sebagaimana tersurat:

‘Tiada yang benar,
seorang pun tidak.

¹¹ Tiada yang mengerti,
tiada yang mencari Allah.

¹² Semua telah menyeleweng
semuanya tidak berguna;

Tiada yang berbuat baik,
seorang pun tidak.

¹³ Kerongkong mereka seperti
kubur terbuka;
tipu daya mengalir
dari lidah mereka;
dan fitnah seperti bisa ular tersembur
dari bibir mereka.

¹⁴ Mulut mereka penuh sumpah seranah
dan kepahitan.

¹⁵ Kaki mereka cepat menumpahkan darah.

¹⁶ Kemusnahan dan kesengsaraan
mereka timbulkan merata-rata,

¹⁷ sedangkan jalan damai
tidak mereka kenal.

¹⁸ Rasa takut terhadap Allah
tiada di jiwa mereka.’

¹⁹ Kita tahu bahawa segala yang tersurat di dalam Taurat adalah bagi mereka yang hidup di bawah Taurat. Oleh itu tiada siapapun dapat berdalih dan seluruh umat manusia akan dihakimi oleh Allah. ²⁰ Oleh itu tiada siapapun akan diperakui benar di sisi Allah kerana mengamalkan hukum Taurat. Sebaliknya hukum Taurat hanya menyedarkan manusia bahawa mereka berdosa.

Manusia diperbenar kerana iman

²¹ Tetapi sekarang, tanpa hukum Taurat, kebenaran Allah telah dinyatakan. Hukum Taurat dan para nabi telah memberikan kesaksian tentang hal itu. ²² Kebenaran Allah hanya melalui iman kepada Isa al-Masih. Hal ini berlaku kepada semua orang tanpa membezakan sesi-apaupun. ²³ Kerana semua manusia berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah. ²⁴ Namun, dengan kasih kurnia Allah yang dikurniakan-Nya dengan rela, manusia dapat diperbenar melalui penebusan yang terdapat dalam Isa al-Masih. ²⁵ Allah menjadikan Isa al-Masih korban pendamaian supaya dengan kematian Isa, dosa orang yang beriman kepada-Nya diampunkan. Allah berbuat demikian untuk memperlihatkan keadilan-Nya kerana pada masa silam, Allah bersabar terhadap dosa manusia dan tidak menghukum mereka. ²⁶ Tetapi sekarang Dia bertindak terhadap dosa untuk menyatakan kebenaran-Nya. Allah menunjukkan bahawa Dia benar dan memperbenar semua mereka yang beriman kepada Isa.

²⁷ Dengan demikian, apakah yang dapat dibanggakan? Tidak ada sama sekali! Adakah melalui ketaatan akan hukum Taurat? Tidak, tetapi melalui iman. ²⁸ Kerana kami yakin bahawa manusia diperbenar atas iman kepada Isa al-Masih, bukan kerana dia mengamalkan apa yang diwajibkan oleh hukum Taurat. ²⁹ Atau adakah Allah itu Tuhan orang Yahudi sahaja? Pasti tidak. Dia Tuhan bangsa-bangsa lain juga. ³⁰ Allah itu Esa. Dia memperbenar orang yang bersunat melalui iman mereka. Demikian juga Dia memperbenar orang yang tidak bersunat melalui iman mereka. ³¹ Maka adakah kita memansuhkan hukum Taurat dengan iman? Sama sekali tidak! Malah kita menegakkan Taurat.

4

Ibrahim diperbenar melalui iman

¹ Oleh demikian, apakah yang akan kita katakan tentang Ibrahim, nenek moyang jasmaniah kita? ² Jika Ibrahim telah diperbenar kerana kerja amalnya dapatlah dia berbangga tetapi bukan di sisi Allah. ³ Apakah yang tersurat di dalam Kitab Suci? 'Ibrahim beriman kepada Allah, dan oleh itu dia diiktiraf sebagai seorang yang benar.'

⁴ Bagi seseorang yang membuat kerja, gajinya tidak dikira sebagai anugerah tetapi sebagai haknya. ⁵ Sebaliknya, bagi seseorang yang tidak membuat kerja amal tetapi percaya kepada Allah yang telah memperbenar orang yang mungkar, imannya diterima sebagai kebenaran. ⁶ Demikianlah Daud berkata tentang berkat ke atas orang yang diperbenar Allah tanpa mengira kerja amalnya. Kata Daud:

⁷ 'Diberkatilah orang yang kemungkarannya diampunkan dan dosanya dihapuskan.

⁸ Diberkatilah orang yang dosanya tidak diperhitungkan Tuhan.'

⁹ Maka adakah berkat ini untuk orang yang bersunat, atau untuk orang yang tidak bersunat juga? Kerana kita berkata, 'Iman Ibrahim telah diterima sebagai kebenaran.' ¹⁰ Jadi, bagaimana iman itu diterima? Semasa dia sudah bersunat, atau sebelum bersunat? Bukan semasa dia sudah bersunat, tetapi ketika dia belum bersunat; ¹¹ lalu dia menerima tanda persunatan, materai kebenaran yang didapatinya melalui iman semasa dia masih belum bersunat. Dengan demikian, dia menjadi bapa

kepada semua orang yang beriman tanpa bersunat, supaya mereka diterima sebagai orang yang benar ¹² dan dia juga menjadi bapa kepada orang bersunat yang bukan sahaja bersunat tetapi juga mengikut jejak langkah moyang bangsa kita, Ibrahim yang beriman sebelum dia bersunat.

¹³ Kerana janji kepada Ibrahim dan keturunannya bahawa mereka akan menjadi waris dunia ini bukanlah melalui hukum Taurat tetapi melalui kebenaran yang diperoleh dengan iman. ¹⁴ Kerana jika orang yang mengamalkan hukum Taurat menjadi waris, maka iman tidak bernilai dan janji itu mansuh. ¹⁵ Kerana hukum Taurat membawa kemurkaan Allah dan tanpa hukum Taurat, tiadalah kemungkar.

¹⁶ Oleh demikian janji itu melalui iman, supaya datangnya melalui kasih kurnia dan dapat dipastikan bagi semua keturunan Ibrahim; bukan hanya yang mengamalkan hukum Taurat tetapi juga yang mempunyai iman Ibrahim, bapa kepada kita semua. ¹⁷ Sebagaimana tersurat di dalam kitab suci, 'Aku telah menjadikanmu bapa kepada beberapa banyak bangsa.' Ibrahim bapa kita di sisi Allah. Dia beriman kepada Allah yang memberikan nyawa kepada yang mati dan menyeru yang tidak wujud menjadi wujud.

¹⁸ Meski bagaikan tiada harapan, Ibrahim berharap dan beriman, maka dia menjadi bapa kepada beberapa banyak bangsa, sebagaimana telah dikatakan kepadanya, 'Demikian jugalah keturunanmu kelak.' ¹⁹ Tanpa terjejas imannya, dia menghadapi kenyataan bahawa tubuhnya samalah seperti sudah mati – kerana dia sudah berusia kira-kira seratus tahun – dan rahim Sarah juga sudah mati. ²⁰ Namun, Ibrahim tidak digugat kesangsian terhadap janji Allah, tetapi telah diteguhkan lagi dalam

imannya lalu memuliakan Allah. ²¹ Dia yakin sepenuhnya bahawa Allah berkuasa melakukan apa yang telah dijanjikan-Nya. ²² Maka 'dengan imannya itu dia telah diterima sebagai orang yang benar.' ²³ Kata-kata 'dengan imannya itu dia telah diterima sebagai orang yang benar' telah tersurat bukan untuknya sahaja, ²⁴ tetapi juga untuk kita: Allah akan menerima kita sebagai orang yang benar, kita yang beriman terhadap Dia yang telah membangkitkan Junjungan Isa daripada kematian. ²⁵ Dia telah diserahkan kepada kematian kerana dosa kita dan dibangkitkan semula kepada kehidupan untuk pembenaran kita.

5

Damai dan sukacita

¹ Oleh demikian, kerana kita telah diperbenar melalui iman, kita telah berdamai dengan Allah melalui Junjungan kita Isa al-Masih. ² Melalui-Nya kita telah mencapai dengan iman kasih kurnia yang meliputi kita sekarang. Dan kita bersukacita dengan harapan akan kemuliaan Allah. ³ Bukan itu sahaja, tetapi kita juga bersukacita dengan penderitaan kita, kerana kita tahu bahawa penderitaan membina ketabahan. ⁴ Ketabahan membina budi pekerti; dan budi pekerti membina harapan. ⁵ Dan harapan tidak mengecewakan kita, kerana Allah telah mencurahkan kasih-Nya ke dalam hati kita melalui Roh Suci, yang telah dikurniakan-Nya kepada kita.

⁶ Lihatlah, tepat pada masanya, ketika kita masih tidak berdaya, al-Masih telah mati untuk orang yang fasiq. ⁷ Jarang sekali seseorang mahu mati untuk orang yang benar, meski untuk orang yang baik mungkin ada yang

sanggup mati. ⁸ Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, al-Masih telah mati untuk kita.

⁹ Oleh sebab sekarang kita telah diperbenarkan dengan darah-Nya, lebih-lebih lagilah kita akan diselamatkan daripada kemurkaan Allah melalui-Nya. ¹⁰ Kerana jika semasa kita seteru Tuhan kita telah didamaikan dengan-Nya melalui kematian Putera-Nya, lebih-lebih lagilah, setelah didamaikan, kita akan diselamatkan melalui kehidupan-Nya! ¹¹ Bukan ini sahaja, tetapi kita juga bersukacita dalam Allah melalui Junjungan kita Isa al-Masih yang melalui-Nya kita telah menerima pendamaian.

Mati kerana Adam, hidup kerana al-Masih

¹² Oleh itu, sebagaimana dosa memasuki dunia ini melalui seorang manusia, dan dengan demikian kematian menimpa semua manusia, kerana semuanya berdosa. ¹³ Kerana sebelum hukum diberikan, dosa sudah ada di dunia. Tetapi dosa tidak diperhitungkan apabila hukum tidak ada. ¹⁴ Namun demikian, kematian telah bertakhta dari zaman Adam hinggalah zaman Musa, dan merajai semua orang termasuklah yang tidak melakukan pelanggaran sebagaimana yang telah dilakukan oleh Adam, yang merupakan gambaran Dia yang akan datang.

¹⁵ Tetapi pemberian tidaklah seperti pelanggaran. Kerana jika ramai manusia mati akibat pelanggaran seorang manusia, lebih-lebih lagilah kasih kurnia Allah dan pemberian melalui kasih kurnia seorang manusia, Isa al-Masih, melimpahi manusia yang banyak! ¹⁶ Demikian juga, pemberian Allah tidaklah seperti dosa seseorang manusia: Penghakiman datang selepas satu dosa dan

membawa hukuman, tetapi pemberian itu datang selepas beberapa banyak pelanggaran yang membawa pembenaran. ¹⁷ Kerana jika dengan dosa seorang manusia, kematian telah bertakhta melalui seorang manusia itu, maka lebih-lebih lagilah orang yang menerima peruntukan kasih kurnia dan pemberian kebenaran Allah yang melimpah-limpah akan bertakhta dalam kehidupan melalui seorang manusia, Isa al-Masih.

¹⁸ Oleh demikian, sebagaimana satu pelanggaran itu membawa hukuman bagi semua manusia, maka satu perbuatan yang benar membawa pembenaran yang memberikan kehidupan bagi semua manusia. ¹⁹ Kerana sebagaimana melalui pelanggaran oleh seorang manusia, ramai telah menjadi berdosa, maka melalui ketaatan seorang Manusia, ramai akan diperbenar.

²⁰ Hukum Taurat telah diadakan supaya pelanggaran bertambah. Tetapi dengan bertambahnya dosa, semakin bertambahlah kasih kurnia. ²¹ Oleh itu, sebagaimana dosa telah bertakhta dalam kematian, maka kasih kurnia akan bertakhta melalui kebenaran untuk membawakan kehidupan kekal melalui Isa al-Masih, Junjungan kita.

6

Mati kepada dosa, hidup dalam al-Masih

¹ Oleh yang demikian, apa akan kita katakan? Patutkah kita terus melakukan dosa supaya kasih kurnia bertambah ² Sama sekali tidak! Kita telah mati kepada dosa; betapa mungkin kita terus hidup dalamnya? ³ Atau tidakkah kamu tahu bahawa semua kita yang diimadkan dalam al-Masih telah diimadkan ke dalam kematian-Nya? ⁴ Melalui pengimadan itu, kita dikuburkan dengan al-Masih dan ikut mati bersama-Nya. Demikian juga, sebagaimana al-Masih dibangkitkan daripada kematian

melalui kemuliaan Allah Bapa, kita juga dapat menikmati kehidupan yang baru.

⁵ Jika kita telah disatukan dengan al-Masih kerana kita turut mati bersama-Nya, maka tentulah kita akan disatukan juga dengan-Nya dalam kebangkitan semula-Nya. ⁶ Kerana kita tahu bahawa diri kita yang dahulu telah disalib bersama-Nya supaya tubuh dosa itu dapat dihapuskan, dan kita tidak lagi diperhamba oleh dosa. ⁷ Kerana sesiapa yang telah mati, dia dibebaskan daripada dosa.

⁸ Jika kita telah mati bersama al-Masih, kita percaya bahawa kita akan hidup dengan-Nya juga. ⁹ Kerana kita tahu bahawa oleh sebab al-Masih telah dibangkitkan daripada kematian, Dia tidak mungkin mati lagi; kematian tidak berkuasa atas-Nya lagi. ¹⁰ Dengan kematian-Nya, Dia telah mati kepada dosa sekali untuk selama-lamanya; tetapi dengan kehidupan-Nya, Dia hidup kepada Allah.

¹¹ Demikian juga, anggaplah dirimu telah mati kepada dosa tetapi hidup kepada Allah dalam al-Masih Isa. ¹² Oleh itu jangan biarkan dosa bertakhta dalam tubuhmu yang fana sehingga kamu menurut kemahuannya yang durjana. ¹³ Janganlah persembahkan bahagian-bahagian tubuhmu kepada dosa, sebagai alat-alat kedurjanaan; sebaliknya persembahkanlah dirimu kepada Allah, sebagai orang yang telah dibawa daripada kematian kepada kehidupan; dan persembahkan bahagian-bahagian tubuhmu kepada-Nya sebagai alat-alat kebenaran. ¹⁴ Kerana dosa tidak akan menjadi tuanmu, disebabkan kamu bukan di bawah hukum, tetapi di bawah kasih kurnia.

Abdi kepada kebenaran

¹⁵ Jadi bagaimana? Patutkah kita melakukan dosa kerana kita bukan di bawah hukum tetapi di bawah kasih

kurnia? Sama sekali tidak! ¹⁶ Tidakkah kamu tahu bahawa jika kamu mempersembahkan dirimu kepada seseorang dan mentaatinya sebagai hamba, maka kamu menjadi hamba kepada orang yang kamu taati – sama ada kamu hamba kepada dosa, yang membawa kepada kematian, atau kamu hamba kepada ketaatan, yang membawa kepada kebenaran. ¹⁷ Tetapi bersyukurlah kepada Allah! Dahulu kamu diperhamba oleh dosa, tetapi kini kamu telah taat sepenuh hati akan bentuk ajaran yang telah diamanahkan kepadamu. ¹⁸ Kamu telah dibebaskan daripada dosa dan menjadi hamba kepada kebenaran.

¹⁹ Aku menyampaikan perkara ini melalui istilah kehidupan manusia kerana kamu lemah dalam diri tabiimu. Sebagaimana dahulu kamu telah mempersembahkan bahagian-bahagian tubuhmu sebagai hamba kepada kekejian dan kedurjanaan yang sentiasa meningkat, maka sekarang kamu hendaklah mempersembahkan dirimu sebagai hamba kepada kebenaran yang membawa kepada kesucian. ²⁰ Sewaktu kamu diperhambakan dosa dahulu, kamu tidaklah dikuasai oleh kawalan kebenaran. ²¹ Tetapi apakah manfaat yang kamu dapati daripada perkara-perkara yang kini membuatmu berasa malu? Perkara-perkara itu membawa kematian. ²² Kini kamu telah dibebaskan daripada dosa dan menjadi hamba Allah, manfaat yang kamu dapati membawa kepada kesucian, dan hasilnya ialah kehidupan kekal. ²³ Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam al-Masih Isa, Junjungan kita.

¹ Tidakkah kamu tahu, saudara-saudaraku – kerana aku sedang berkata-kata kepada orang yang mengetahui hukum Taurat – bahawa hukum itu berkuasa ke atas seseorang hanya selagi dia masih hidup? ² Misalnya, menurut hukum, seorang perempuan yang berkahwin terikat kepada suaminya hanya selagi suaminya itu masih hidup, tetapi jika suaminya mati, perempuan itu dibebaskan daripada hukum perkahwinan. ³ Oleh itu, jika dia berkahwin dengan lelaki lain ketika suaminya masih hidup, perempuan itu dipanggil penzina. Tetapi jika suaminya mati, perempuan itu bebas daripada hukum tersebut dan bukanlah penzina sekiranya dia berkahwin dengan lelaki lain.

⁴ Oleh itu saudara-saudaraku, kamu juga telah mati kepada hukum Taurat melalui tubuh al-Masih, supaya kamu menjadi milik kepada yang lain, iaitu kepada Dia yang telah dibangkitkan daripada kematian, dan dengan demikian kita dapat menghasilkan buah kepada Allah. ⁵ Kerana dahulu ketika kita dikawal oleh sifat tabii yang berdosa, hawa nafsu berdosa yang ditimbulkan oleh hukum telah bekerja dalam tubuh kita, sehingga kita menghasilkan buah untuk kematian. ⁶ Tetapi sekarang, kita telah mati kepada apa yang membelenggu kita dahulu, maka kita telah dibebaskan daripada hukum untuk berkhidmat dalam cara baru Roh, tidak lagi dalam cara lama yang berasaskan peraturan bersurat.

Menentang dosa

⁷ Jadi, apakah yang akan kita katakan? Adakah hukum itu dosa? Sama sekali tidak! Memang aku tidak mungkin tahu apa itu dosa kecuali melalui hukum. Kerana aku tidak mungkin tahu apa sebenarnya keinginan jahat jika hukum tidak mengatakan, 'Jangan ingini milik orang'. ⁸ Tetapi dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh

perintah itu lalu menimbulkan dalam diriku segala jenis keinginan jahat. Kerana tanpa hukum, dosa tidak wujud. ⁹ Satu masa dahulu, aku hidup tanpa hukum; tetapi apabila datang perintah itu, hiduplah dosa dan matilah aku. ¹⁰ Aku mendapati bahawa perintah yang dimaksudkan membawa kehidupan itu telah membawa kematian. ¹¹ Kerana dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh perintah itu lalu memperdayaku, dan melalui perintah itu telah menjerumuskanku ke dalam kematian. ¹² Jadi, hukum itu suci, dan perintah itu suci, benar serta baik.

¹³ Maka adakah sesuatu yang baik itu menjadi kematian kepadaku? Sama sekali tidak! Tetapi, supaya dosa dikenal sebagai dosa, dosa telah menimbulkan kematian dalam diriku melalui sesuatu yang baik; dengan demikian, melalui perintah itu, dosa dapat menjadi dosa sepenuhnya.

¹⁴ Kita tahu bahawa hukum bersifat rohani; tetapi aku tidak bersifat rohani, aku telah dijual sebagai hamba kepada dosa. ¹⁵ Aku tidak mengerti apa yang kulakukan. Apa yang kuhendaki, tidak kulakukan, sebaliknya aku melakukan apa yang kubenci. ¹⁶ Dan jika aku melakukan apa yang tidak mahu kulakukan, aku setuju bahawa hukum itu baik. ¹⁷ Nyatalah bahawa bukan aku yang melakukannya, tetapi dosa yang hidup dalam diriku. ¹⁸ Aku tahu bahawa tidak ada sesuatu yang baik hidup dalam diriku, iaitu dalam sifat tabiiku yang berdosa. Kerana aku hendak melakukan apa yang baik, tetapi aku tidak mampu melaksanakannya. ¹⁹ Kerana yang kulakukan bukanlah kebaikan yang hendak kulakukan; tidak, kejahatan yang tidak hendak kulakukan – itulah yang kulakukan terus-menerus. ²⁰ Jika aku melakukan sesuatu yang tidak ingin kulakukan, bukanlah lagi aku yang melakukannya tetapi dosa yang hidup dalam diriku-

lah yang melakukan.

²¹ Oleh itu aku mendapati hukum ini berlangsung; apabila aku hendak melakukan kebaikan, kejahatan bertapak di sisiku. ²² Kerana dalam jiwaku aku suka akan hukum Allah ²³ tetapi aku melihat hukum lain bertindak dalam anggota-anggota tubuhku, memerangi hukum jiwaku dan membuat aku terpenjara dalam hukum dosa yang bertindak dalam anggota-anggota tubuhku. ²⁴ Alangkah sengsaranya aku! Siapa yang akan menyelamatkanku daripada tubuh kematian ini? ²⁵ Syukur kepada Allah melalui Isa al-Masih, Junjungan kita!

Oleh itu, dalam jiwaku aku mengabdikan kepada hukum Allah, tetapi dalam sifat tabii yang berdosa aku mengabdikan kepada hukum dosa.

8

Kehidupan melalui Roh

¹ Dengan demikian, sekarang tidak ada hukuman bagi orang yang ada dalam al-Masih Isa.

² Kerana melalui al-Masih Isa hukum Roh kehidupan telah membebaskanku daripada hukum dosa dan kematian. ³ Apa yang tidak dapat dilakukan oleh Taurat kerana lemahnya tabii manusia, telah dilakukan oleh Allah dengan menghantar Putera-Nya dalam bentuk manusia berdosa untuk menjadi persembahan menebus dosa. Dengan demikian Dia menghukum dosa dalam diri manusia berdosa. ⁴ Allah berbuat demikian supaya kita dapat menunaikan kehendak-kehendak hukum dalam diri kita dengan sepenuhnya, mengikut kehendak Roh dan bukan mengikut kehendak sifat tabii.

⁵ Bagi orang yang hidup menurut sifat tabii yang berdosa, jiwanya tertumpu kepada apa yang diingini

oleh sifat tabii itu; tetapi bagi orang yang hidup menurut Roh, jiwanya tertumpu kepada apa yang diingini oleh Roh. ⁶ Fikiran yang dikuasai oleh sifat tabii yang berdosa, adalah kematian. Tetapi fikiran yang dikuasai oleh Roh, adalah kehidupan dan kesejahteraan. ⁷ Fikiran sifat tabii yang berdosa memusuhi Allah kerana fikiran demikian tidak tunduk kepada hukum Allah dan tidak dapat berbuat demikian ⁸ Orang yang dikawal oleh sifat tabii yang berdosa tidak berupaya mendapat keredaan Allah.

⁹ Tetapi kamu dikawal bukan oleh sifat tabii yang berdosa tetapi oleh Roh, jika Roh Allah hidup dalam dirimu. Dan jika seseorang tidak ada Roh al-Masih, dia bukanlah milik al-Masih. ¹⁰ Sebaliknya jika al-Masih ada dalam dirimu, tubuhmu mati kerana dosa, namun rohmu hidup kerana kebenaran. ¹¹ Dan jika Roh Dia yang telah membangkitkan Isa daripada kematian hidup dalam dirimu, maka Dia yang telah membangkitkan Isa al-Masih daripada kematian akan juga memberikan kehidupan kepada tubuhmu yang fana melalui Roh-Nya, yang hidup dalam dirimu.

¹² Dengan demikian, saudara-saudaraku, kita ada kewajiban tetapi bukan terhadap sifat tabii yang berdosa dan hidup menurut sifat tabii itu. ¹³ Kerana jika kamu hidup menurut sifat tabii yang berdosa, kamu akan mati; tetapi jika dengan Roh itu kamu mematikan perbuatan-perbuatan salah tubuhmu, kamu akan hidup, ¹⁴ kerana orang yang dipimpin oleh Roh Allah adalah anak-anak Allah. ¹⁵ Kerana kamu bukanlah menerima Roh yang menyebabkan kamu diperhamba lagi oleh ketakutan, tetapi telah menerima Roh yang menjadikanmu anak Allah. Dan dengannya kita berseru, 'Abba, Bapa.' ¹⁶ Roh itu sendiri memberikan kesaksian dengan roh kita ba-

hawa kita anak Allah. ¹⁷ Jika kita anak, maka kita waris-waris Allah, waris bersama dengan al-Masih, jika kita benar-benar berkongsi penderitaan-Nya supaya dapat berkongsi kemuliaan-Nya kelak.

Kemuliaan akan datang

¹⁸ Aku menganggap bahawa penderitaan kita sekarang terlalu kecil untuk dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita. ¹⁹ Seluruh ciptaan menantikan saatnya Allah menyerlahkan anak-anak-Nya. ²⁰ Kerana seluruh ciptaan telah ditundukkan dalam kebuntuan, bukan dengan pilihannya sendiri, tetapi dengan kehendak Dia yang telah menundukkannya, dengan harapan ²¹ bahawa ciptaan itu sendiri akan dibebaskan daripada belenggu kemusnahan dan dibawa ke dalam kebebasan penuh kemuliaan anak-anak Allah.

²² Kita tahu bahawa sampai ke saat ini seluruh ciptaan mengerang bagaikan sakit melahirkan anak. ²³ Lebih daripada itu, kita sendiri yang mendapat buah pertama Roh Allah, turut mengerang dalam batin sambil menantikan pengangkatan sebagai anak Allah, iaitu penebusan tubuh kita. ²⁴ Melalui harapan ini, kita telah diselamatkan. Tetapi harapan yang dilihat bukanlah harapan. Siapa yang mengharapkan apa yang sudah ada padanya? ²⁵ Sebaliknya, jika kita mengharapkan apa yang belum ada pada kita, maka kita menantikannya dengan sabar.

²⁶ Demikian jugalah, Roh menolong kita dalam kelemahan kita. Kita tidak tahu apa yang patut kita doakan, tetapi Roh itu sendiri berdoa syafaat untuk kita dengan rintihan yang tidak dapat disampaikan melalui kata-kata. ²⁷ Dan Dia yang menyoroti hati kita tahu akan fikiran Roh, kerana Roh berdoa syafaat bagi pihak orang yang salih menurut kehendak Allah.

Lebih daripada penakluk

²⁸ Dan kita tahu bahawa dalam semua hal Allah bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihi-Nya, yang telah dipanggil menurut kehendak-Nya. ²⁹ Kerana dari mulanya dahulu Allah telah menentukan mereka yang dipilih-Nya supaya menjadi selaras dengan rupa Putera-Nya, Isa al-Masih, maka Putera itu merupakan yang sulung di antara saudara-saudara yang ramai. ³⁰ Dan orang yang ditentukan Allah dari mulanya dahulu dipanggil-Nya; orang yang dipanggil-Nya itu diperbenar-Nya; orang yang diperbenar-Nya itu dipermuliakan-Nya pula.

³¹ Jadi, apakah yang akan kita katakan sebagai sambutan kepada hal ini? Jika Allah memihak kepada kita, siapa dapat melawan kita? ³² Dia yang tidak mengecualikan Putera-Nya sendiri, tetapi menyerahkan-Nya untuk kita semua – tentulah Dia, bersama Putera-Nya itu, akan memberikan segala-galanya kepada kita dengan rela! ³³ Siapa yang akan mendakwa orang pilihan Allah? Allah yang memperbenar. ³⁴ Siapakah yang dapat mempersalahkan kita? Al-Masih Isa, yang telah mati, bahkan lebih daripada itu, yang telah dibangkitkan, berada di sebelah kanan Allah dan juga berdoa syafaat bagi pihak kita. ³⁵ Siapa yang akan memisahkan kita daripada kasih al-Masih? Kekacauan atau kesusahan atau penganiayaan atau kebuluran atau ketelanjangan atau bahaya atau pedang? ³⁶ Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci:

‘Kerana-Mu kami menghadapi maut sepanjang hari;
Kami dianggap sebagai domba untuk disembelih.’

³⁷ Tidak! dalam semua hal ini kita lebih daripada para penakluk melalui Dia yang mengasihi kita. ³⁸ Kerana aku yakin bahawa kematian mahupun kehidupan, para

malaikat mahupun para penguasa, masa kini mahupun masa depan, baik kuasa apapun, ³⁹ ketinggian mahupun kedalaman, baik apapun yang lain dalam seluruh ciptaan, tidak akan dapat memisahkan kita daripada kasih Allah yang di dalam al-Masih Isa, Junjungan kita.

9

Pilihan Allah yang utama

¹ Aku berkata benar dalam al-Masih. Aku tidak berdusta, hati nuraniku mengesahkannya dalam Roh Suci. ² Aku teramat sedih dan gundah dalam hatiku. ³ Kerana aku rela terkutuk dan terpisah daripada al-Masih untuk kepentingan saudara-saudara sebangsaku. ⁴ Mereka itu orang Israel. Untuk mereka pengangkatan sebagai anak Allah; untuk mereka kemuliaan ilahi; perjanjian-perjanjian; penerimaan hukum, ibadat di rumah ibadat, dan janji-janji. ⁵ Mereka adalah keturunan nenek moyang yang termasyhur. Bahkan dari antara mereka jugalah al-Masih lahir sebagai manusia. Dialah yang terutama dari segala sesuatu. Terpujilah Allah selama-lamanya. Amin.

⁶ Ini tidaklah bererti Firman Allah telah gagal. Kerana bukan semua keturunan Israel itu diterima sebagai Israel. ⁷ Juga bukan semua keturunan Ibrahim diterima sebagai anak-anak Ibrahim. Sebaliknya, 'Melalui Ishak anak-anakmu akan diperhitungkan.' ⁸ Ini bererti, anak-anak Allah bukanlah keturunan tabii Ibrahim tetapi anak-anak janji Allah. ⁹ Kerana demikianlah kata-kata janji itu: 'Pada masa yang ditetapkan Aku akan kembali, dan Sarah akan mendapat seorang anak lelaki.'

¹⁰ Bukan itu sahaja, malah kedua-dua anak lelaki Ribkah mempunyai bapa yang sama, iaitu Ishak, bapa kita. ¹¹ Namun, sebelum anak kembar itu dilahirkan

dan sempat berbuat baik atau jahat – untuk menegakkan kehendak Allah dalam pemilihan: ¹² bukan dengan kerja amal tetapi dengan Dia yang memanggil – Ribkah telah diberitahu: ‘Yang tua akan melayan yang muda.’ ¹³ Sebagaimana tersurat di dalam kitab suci: ‘Yakub Kukasihi, tetapi Esau Kubenci.’

¹⁴ Jadi, apa yang akan kita katakan? Adakah Allah tidak adil? Sama sekali tidak!

¹⁵ Kerana Dia telah berkata kepada Musa,

‘Aku akan kasihani sesiapa yang Kukasihani.
Dan Aku akan berbelas kasihan kepada
sesiapa yang Kubelaskasihi.’

¹⁶ Oleh itu hal demikian bergantung bukan kepada keinginan atau usaha manusia tetapi kepada belas kasihan Allah. ¹⁷ Kerana kitab suci berkata kepada Firaun: Aku telah mengangkatmu untuk tujuan ini, iaitu menunjukkan kekuasaan-Ku melaluimu dan supaya nama-Ku termasyhur di seluruh bumi. ¹⁸ Dengan demikian Allah mengasihani sesiapa yang hendak dikasihani-Nya, dan mengeraskan hati sesiapa yang hendak dikeraskan-Nya hati.

¹⁹ Seorang daripadamu akan berkata kepadaku, ‘Kalau begitu, mengapa masih menyalahkan kita? Kerana siapa yang dapat menentang kehendak-Nya?’ ²⁰ Tetapi siapakah engkau, hai manusia, maka engkau menghujahi Allah? ‘Adakah ciptaan berkata kepada penciptanya, “Mengapa kaubuat aku begini?” ’ ²¹ Tidakkah tukang tembikar berhak membuat daripada segumpal tanah liat yang sama, beberapa bekas tembikar untuk tujuan mulia dan yang lain untuk kegunaan biasa?

²² Bagaimana jika Allah, untuk menunjukkan kemurkaan-Nya dan menyatakan kekuasaan-Nya, setelah begitu bersabar terhadap orang yang dimurkai-Nya, membuat persediaan untuk membinasakan?

²³ Bagaimana jika Dia berbuat demikian untuk memperlihatkan betapa besar kemuliaan-Nya kepada orang yang dikasihi-Nya, yang telah disediakan-Nya terlebih dahulu untuk kemuliaan, ²⁴ justeru kita, yang telah dipanggil-Nya, bukan hanya dari kalangan orang Yahudi tetapi juga dari kalangan bangsa asing?

²⁵ Sebagaimana telah disampaikan-Nya melalui Hosea:

‘Aku akan memanggil mereka “umat-Ku”
 sedangkan mereka bukan umat-Ku;
 dan Aku akan memanggil dia “orang yang Kukasihi”
 sedangkan dia bukan orang
 yang Kukasihi.’

²⁶ dan,

‘akan terjadi bahawa di mana
 telah dikatakan kepada mereka,
 ‘Kamu bukan umat-Ku,’
 di situlah mereka akan dipanggil
 ‘anak-anak Allah yang hidup.’’

²⁷ Yasyaya juga telah berseru tentang umat Israel:

‘Walaupun bilangan anak Israel
 seperti pasir di tepi laut,
 hanya segelintir baki akan diselamatkan.

²⁸ Kerana Tuhan akan menjalankan
 hukumannya di atas bumi dengan segera
 dan muktamad.’

²⁹ Samalah seperti kata Yasyaya sebelum itu:

‘Sekiranya Tuhan Maha Kuasa
tidak membiarkan keturunan kita hidup,
kita tentu telah menjadi seperti Sodom,
tentu kita seperti Gomora.’

Israel yang tidak beriman

³⁰ Jadi, apa yang akan kita katakan? Bahawa bangsa-bangsa asing, yang tidak mengejar kebenaran, telah mendapatinya, iaitu kebenaran berasaskan iman.

³¹ Sebaliknya orang Israel, yang mengejar kebenaran berasaskan hukum kebenaran, tidak dapat mencapainya.

³² Mengapa tidak? Kerana mereka mengejarnya bukan dengan iman, tetapi seolah-olah dengan mengamalkan kerja amal. Mereka tersandung pada batu sandungan.

³³ Sebagaimana telah tersurat:

‘Aku telah meletakkan di Sion seketul batu
yang menyebabkan orang tersandung
dan sebuah batu pejal yang membuat mereka ter-
jatuh,
dan orang yang percaya kepada-Nya
tidak akan diaibkan.’

10

¹ Saudara-saudaraku, hasrat hatiku dan doaku kepada Allah tentang orang Israel ialah semoga mereka akan diselamatkan. ² Aku dapat memberi kesaksian bahawa mereka bersungguh-sungguh dalam ibadat kepada Allah, tetapi kesungguhan mereka tidak berasaskan pengetahuan yang benar. ³ Oleh sebab mereka tidak mengetahui kebenaran yang datang daripada Allah dan mereka

berusaha menegakkan kebenaran mereka sendiri, maka mereka tidak tunduk kepada kebenaran Allah. Kebenaran kerana iman ⁴ al-Masih adalah titik tamat hukum supaya kebenaran didapati oleh setiap orang yang beriman.

⁵ Musa telah menulis tentang kebenaran berasaskan hukum Taurat, 'Sesiapa yang melakukan hal-hal ini akan hidup mengikutnya.' ⁶ Tetapi kebenaran berasaskan iman berkata demikian, 'Jangan bertanya dalam hatimu, "Siapa yang akan naik ke syurga?"' (untuk membawa al-Masih turun) ⁷ atau, "Siapa yang akan turun ke alam kubur?"' (untuk membawa al-Masih naik daripada kematian). ⁸ Apakah yang dikatakan? 'Firman itu begitu dekat denganmu, di mulutmu dan di hatimu (iaitu firman tentang iman yang kami isytiharkan): ⁹ Jika kamu akui dengan mulutmu bahawa Isa adalah Junjungan Yang Esa dan percaya dalam hatimu bahawa Allah telah membangkitkan-Nya daripada kematian, kamu akan diselamatkan; ¹⁰ kerana dengan hatimu kamu beriman dan diperbenar, dan dengan mulutmu kamu mengaku lalu diselamatkan. ¹¹ Sebagaimana tersurat di dalam kitab suci, 'Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak akan di-aibkan.' ¹² Kerana tidak ada perbezaan antara orang Israel dengan bangsa lain, kerana Tuhan yang sama berkuasa ke atas semuanya dan melimpahkan berkat ke atas semua yang menyeru kepada-Nya. ¹³ Kerana 'Sesiapa yang menyeru nama Tuhan akan diselamatkan.'

¹⁴ Jadi, bagaimana mereka dapat menyeru kepada-Nya sedangkan mereka tidak beriman kepada-Nya? Dan bagaimana mereka dapat beriman kepada-Nya sedangkan mereka tidak pernah mendengar tentang-Nya? Dan bagaimana mereka dapat mendengar sedangkan tiada sesiapaupun yang mengajar mereka tentang-Nya? ¹⁵ Dan bagaimana orang dapat mengajar kecuali dihantar? Seba-

gaimana tersurat di dalam kitab suci, 'Alangkah indahny
kaki mereka yang membawa berita baik!'

¹⁶ Sebagaimana kata Yasyaya, 'Tuhan, siapa yang per-
caya akan perkhabaran yang kami sampaikan?' ¹⁷ Oleh
itu iman datang daripada mendengar perkhabaran itu,
dan perkhabaran itu didengar melalui sabda al-Masih.
¹⁸ Tetapi aku bertanya, 'Tidakkah mereka mendengar?'
Tentu sekali:

'Suara mereka telah tersebar ke serata bumi,
dan kata-kata mereka telah sampai ke seluruh
pelosok dunia.'

¹⁹ Sekali lagi aku bertanya, 'Tidakkah orang Israel
mengerti?' Pertama, Musa berkata:

'Aku akan membuatmu iri hati
dengan orang yang bukan satu bangsa;
Aku akan membuatmu marah dengan satu bangsa
yang tidak mengerti.'

²⁰ Kemudian Yasyaya lantang berkata,

'Aku telah ditemui oleh mereka
yang tidak mencari-Ku;
Aku menyatakan diri-Ku kepada orang
yang tidak memohon kehadiran-Ku.

²¹ Tetapi kepada orang Israel dia berkata,

'Sepanjang hari telah Kuhulurkan tangan-Ku
kepada bangsa yang ingkar dan
keras kepala.'

11

Bani Israel

¹ Oleh itu aku bertanya, 'Adakah Allah telah menyingkirkan umat-Nya?' Sama sekali tidak! Aku sendiri seorang berbangsa Israel, keturunan Ibrahim, daripada suku Benyamin. ² Allah tidak menyingkirkan umat-Nya yang telah dipilih-Nya dari dahulu. Tidakkah kamu tahu apa yang telah tersurat di dalam kitab suci, di dalam petikan tentang Ilyas, betapa dia mengadu kepada Allah tentang Israel: ³ 'Ya Tuhan, mereka telah membunuh nabi-nabi-Mu dan meruntuhkan tempat penyembahan-Mu; dan hanya aku yang tinggal, dan mereka sedang berusaha untuk membunuhku?' ⁴ Dan apakah jawapan Allah kepadanya? 'Aku telah menyimpan untuk diri-Ku tujuh ribu orang yang tidak tunduk kepada Baal.' ⁵ Begitu jugalah, pada zaman ini, ada baki yang dipilih berasaskan kasih kurnia. ⁶ Jika dengan kasih kurnia, maka tidaklah lagi dengan kerja amal; sekiranya masih dengan kerja amal, kasih kurnia bukanlah kasih kurnia lagi.

⁷ Jadi, bagaimana? Apa yang dicari Israel dengan begitu bersungguh-sungguh tidak didapati oleh mereka, tetapi orang pilihan mendapatinya. Yang lain telah dikeraskan hatinya, ⁸ sebagaimana telah tersurat:

'Allah telah membuat mereka tidak sedar,
mata tidak melihat,
telinga tidak mendengar,
sampailah hari ini.'

⁹ Dan Daud berkata:

'Semoga meja perjamuan mereka
menjadi jerat dan perangkap,
batu sandungan dan

balasan kepada mereka;
¹⁰ Kelamkan mata mereka agar tidak
dapat melihat,
dan bongkokkan belakang mereka
selama-lamanya!

Cabang-cabang yang dicantumkan

¹¹ Oleh itu aku bertanya, 'Adakah mereka tersandung dan tidak dapat bangun semula?' Sama sekali tidak! Sebaliknya, kerana pelanggaran yang dilakukan oleh mereka, penyelamatan telah datang kepada bangsa-bangsa lain untuk membuat Israel iri hati. ¹² Tetapi jika pelanggaran Israel bermakna kekayaan bagi dunia, dan kerugian mereka bermakna kekayaan bagi orang bukan bani Israel, betapa bergandanya lagi kekayaan yang akan dibawa oleh ketaatan mereka!

¹³ Sekarang aku berkata kepadamu, wahai bangsa asing: Oleh sebab aku ini rasul kepada orang bukan bani Israel, aku membesarkan pelayananku ¹⁴ dengan harapan dapat menimbulkan iri hati bangsaku sendiri dan menyelamatkan sesetengah mereka. ¹⁵ Jika penyingkiran mereka mendatangkan perdamaian bagi seisi dunia, lebih-lebih lagilah kalau mereka diterima semula oleh Allah! Bukankah hal ini seperti hidup kembali selepas mati? ¹⁶ Sekiranya gumpalan pertama suci, maka sucilah seluruh adonan. Jika suci akar pohon, maka demikian jugalah cabang-cabangnya.

¹⁷ Andainya beberapa cabang itu dipatahkan dan kamu, walaupun pucuk zaitun liar, dicantumkan lalu berkongsi akar dengan pohon zaitun yang subur itu, ¹⁸ janganlah bercakap besar kepada cabang-cabang lain. Kalau kamu bermegah juga, ingatlah bahawa bukan kamu yang menyokong akar tetapi akar yang menyokong kamu.

¹⁹ Ketika itu kamu akan berkata: ‘Cabang-cabang itu dipatahkan supaya aku dapat dicantumkan.’ ²⁰ Memang benar. Oleh sebab tidak beriman, cabang-cabang itu dipatahkan, dan kamu dapat berada di situ kerana iman! Janganlah angkuh; sebaliknya takutlah. ²¹ Kerana jika Allah tidak mengampuni cabang-cabang tabii itu, Dia tidak akan mengampunimu juga.

²² Oleh itu, fikirkanlah belas ihsan dan juga kekerasan-Nya; kekerasan kepada mereka yang terjerumus; belas ihsan kepada kamu, asalkan kamu berterusan dalam belas ihsan-Nya. Jika tidak, kamu juga akan dibuangkan. ²³ Mereka juga, jika mengubah sikap tidak percaya, akan dicantumkan semula, kerana Allah berupaya berbuat demikian. ²⁴ Kalau kamu yang telah dipotong dari pokok zaitun liar dapat dicantumkan ke pohon zaitun yang baik dan berbeza tabiinya, lebih-lebih lagilah cabang-cabang tabii itu dapat dicantumkan ke pokok zaitunnya sendiri!

Seluruh Israel akan diselamatkan

²⁵ Saudara-saudaraku, aku tidak mahu kamu jahil tentang rahsia ini, supaya kamu tidak berasa megah: Sebahagian daripada orang Israel telah menjadi keras hati sehingga genap jumlah orang bukan bani Israel telah masuk. ²⁶ Kemudian seluruh orang Israel akan diselamatkan, sebagaimana yang telah tersurat:

‘Penyelamat akan datang dari Sion,
dan Dia akan menjauhkan kemungkarannya daripada
Yakub;

²⁷ Kerana inilah perjanjian-Ku
dengan mereka
ketika Aku menghapuskan
dosa-dosa mereka.’

²⁸ Dari segi Injil, orang Israel dimusuhi keranamu, tetapi dari segi pilihan, mereka dikasihi kerana nenek moyang mereka; ²⁹ kerana kurnia dan panggilan Allah tidak akan ditarik kembali selama-lamanya. ³⁰ Sebagaimana kamu dahulu ingkar kepada Allah namun kini telah mendapat belas kasihan kerana keingkaran mereka, ³¹ demikian jugalah mereka yang kini telah ingkar, melalui belas kasihan yang kamu peroleh, mereka juga mungkin mendapat belas kasihan. ³² Allah telah mengeraskan hati mereka dalam keingkaran, supaya Dia dapat mengasihani semuanya.

Pemberkatan

- ³³ Oh, betapa kaya kebijaksanaan dan pengetahuan Allah!
Penghakiman-Nya tidak terduga,
dan jalan-jalan-Nya tidak mungkin diselami!
- ³⁴ 'Kerana siapakah yang mengetahui
fikiran Tuhan?
Siapa yang menjadi penasihat-Nya?
- ³⁵ Atau siapakah yang pernah memberi-Nya sesuatu,
maka Dia harus membalasnya?'
- ³⁶ Segala-galanya daripada Dia, melalui
Dia dan kepada Dia.
Bagi Allah kemuliaan selama-lamanya. Amin.

12

Persembahan yang benar

¹ Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, dalam keadaan suci dan dapat diterima oleh Allah; itulah ibadat

yang wajar. ² Janganlah ikut cara hidup duniawi, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.

³ Aku berkata kepada setiap orang daripadamu, melalui kasih kurnia yang diberikan kepadaku: Janganlah nilai dirimu lebih tinggi daripada sepatutnya, sebaliknya nilailah dirimu sewajarnya, selaras dengan kadar iman yang telah diberikan Allah kepada setiap orang. ⁴ Sebagaimana tubuh manusia terdiri daripada beberapa anggota yang berbagai-bagai tugasnya dan bukan semua anggota itu mempunyai tugas yang sama, ⁵ begitu jugalah kita yang ramai ini, semuanya anggota satu tubuh dalam al-Masih, dan saling memiliki. ⁶ Kita mempunyai kurnia yang berlainan menurut kasih kurnia yang diberikan kepada kita. Sekiranya kita dianugerahi kurnia untuk bernubuat, maka bernubuatlah menurut kadar iman kita; ⁷ kalau untuk melayani, gunakanlah dalam pelayanan kita; jika untuk mengajar, gunakanlah dalam pengajaran. ⁸ Orang yang dianugerahi kurnia untuk menasihati, hendaklah dia menggunakannya dalam memberikan nasihat; kalau untuk memberi, lakukanlah dengan murah hati; kiranya untuk memimpin, berilah pimpinan dengan bersungguh-sungguh; dan jika untuk menunjukkan belas kasihan, lakukanlah dengan sukacita.

Hidup dalam kasih

⁹ Kasih hendaklah bersih daripada pura-pura. Bencilah kejahatan. Berpeganglah kepada kebaikan. ¹⁰ Hendaklah kamu bersikap baik dan mengasihi sesama sendiri dengan kasih persaudaraan, serta saling menghormati dan mengutamakan; ¹¹ jangan biarkan kerajinanmu berkurangan; hendaklah semangatmu tetap berkobar-kobar;

sentiasa abdikan diri kepada Tuhan. ¹² Bergembiralah dalam harapan, tabah menghadapi kesusahan, dan terus-menerus berdoa. ¹³ Berilah bantuan untuk memenuhi keperluan orang salih, dan berikan tempat menumpang.

¹⁴ Pohonlah berkat bagi orang yang menganiyai kamu, dan jangan kutuk mereka. ¹⁵ Bergembiralah dengan orang yang bergembira, dan menangislah dengan orang yang menangis. ¹⁶ Bersatu hatilah sesama kamu. Jangan tinggi hati, sebaliknya bergaullah dengan golongan yang sederhana. Jangan anggap dirimu bijaksana.

¹⁷ Jangan balas kejahatan dengan kejahatan. Perhatikan apa yang baik di mata semua orang. ¹⁸ Setakat yang mungkin, jika dalam keupayaanmu, hiduplah dalam damai dengan semua manusia. ¹⁹ Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah berusaha membalas dendam, serahkanlah kepada kemurkaan Allah, kerana telah tersurat: 'Pembalasan adalah hak-Ku. Akulah yang akan membalas,' demikian firman Tuhan. ²⁰ Oleh itu:

'Jika musuhmu lapar, berilah dia makan;
jika dia dahaga, beri dia minum;
Kerana dengan berbuat demikian,
kamu menimbunkan bara api
ke atas kepalanya.'

²¹ Jangan ditewaskan oleh kejahatan, tetapi tewaskanlah kejahatan dengan kebaikan.

13

Tunduk kepada pemerintah

¹ Setiap orang harus tunduk kepada pihak berkuasa, kerana tidak ada kekuasaan yang tidak datang daripada Allah, dan pihak berkuasa yang ada telah ditetapkan oleh

Allah. ² Oleh itu sesiapa yang menentang pihak berkuasa menentang peraturan Allah, dan sesiapa yang menentang membawa hukuman ke atas dirinya. ³ Pemerintah tidak menakutkan orang yang berbuat baik, hanya mereka yang berbuat jahat. Inginkah kamu bebas daripada rasa takut terhadap pemerintah? Lakukan kebajikan, pasti kamu akan dipujinya. ⁴ Pemerintah adalah hamba yang diamanahkan oleh Allah untuk membawa kebaikan kepadamu. Tetapi jika kamu melakukan kejahatan, wajarlah kamu takut, kerana pedang yang dibawanya tentu sekali untuk digunakan. Pemerintah adalah hamba yang diamanahkan oleh Allah untuk menjalankan pembalasan dengan menimpakan kemurkaan Allah ke atas orang yang berbuat jahat. ⁵ Oleh itu tunduklah, bukan hanya kerana takut dimurkai Allah tetapi juga kerana menurut hati nuranimu sendiri.

⁶ Dengan sebab itu jugalah kamu harus membayar cukai. Pemerintah adalah pegawai-pegawai yang ditugaskan oleh Allah untuk mengendalikan hal itu. ⁷ Oleh itu bayarlah apa yang wajar dibayar kepada setiap pihak: Sekiranya cukai, bayarlah cukai; sekiranya hasil, bayarlah hasil. Dan takutilah orang yang patut ditakuti, dan hormatilah orang yang patut dihormati.

Kasih-mengasahi

⁸ Jangan merasa terhutang apa-apa kepada sesiapa pun kecuali kasih-mengasahi, kerana seseorang yang mengasahi sesama manusia telah memenuhi hukum; ⁹ kerana perintah-perintah, 'Jangan berzina', 'Jangan membunuh', 'Jangan mencuri', 'Jangan bersaksi bohong', 'Jangan ingini milik orang lain' dan perintah-perintah yang lain adalah terangkum dalam perintah ini, 'Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasahi dirimu sendiri'.

¹⁰ Kasih tidak berbuat jahat kepada sesama manusia. Oleh itu kasih memenuhi hukum.

¹¹ Kamu tahu bahawa sudah sampai waktunya kamu bangun dari tidur, kerana kini penyelamatan lebih dekat lagi kepada kita daripada dahulu, ketika kita baru beriman. ¹² Malam sudah hampir berlalu, dan siang hampir tiba. Oleh itu lucutkanlah segala kerja kegelapan dan kenakan kelengkapan senjata cahaya. ¹³ Ikutlah tingkah laku yang wajar, sebagaimana orang berjalan pada siang hari. Jangan berpesta liar dan mabuk, jauhi noda dan kelucahan, singkirkan pergaduhan dan iri hati. ¹⁴ Kenakan Junjungan Isa al-Masih sebagai kelengkapan senjata dan jangan hidup secara duniawi untuk memuaskan hawa nafsu.

14

Yang lemah dan yang kuat

¹ Terimalah orang yang lemah imannya, tanpa menghakimi hal-hal yang boleh dipertikaikan. ² Ada orang yang yakin dia boleh makan semua jenis makanan, tetapi ada juga orang yang lemah imannya dan hanya makan sayur-sayuran. ³ Namun demikian, orang yang makan semua jenis makanan janganlah menghina orang yang tidak makan sesuatu; dan orang yang tidak makan sesuatu janganlah menghakimi orang yang makan semua jenis makanan, kerana Allah telah menerima dia. ⁴ Siapakah kamu maka berani menghakimi hamba orang lain? Sama ada dia tetap berdiri atau jatuh, terpulanglah kepada tuannya. Malah dia akan tetap berdiri kerana Tuhan berkuasa membuatnya tetap berdiri.

⁵ Ada orang yang mengutamakan hari tertentu daripada yang lain, dan ada pula yang menganggap semua

hari sama baiknya. Setiap orang harus membuat keputusan bagi dirinya sendiri, selaras dengan keyakinannya. ⁶ Mereka yang mengutamakan hari-hari tertentu berbuat demikian untuk menghormati Tuhan. Mereka yang makan semua jenis makanan melakukannya untuk menghormati Tuhan, kerana mereka mengucapkan syukur kepada Allah; manakala mereka yang tidak makan beberapa jenis makanan juga melakukannya untuk menghormati Tuhan, dan mengucapkan syukur kepada Allah. ⁷ Tiada seorang pun di kalangan kita yang hidup bagi diri sendiri, dan tiada seorang pun di kalangan kita yang mati bagi diri sendiri. ⁸ Jika kita hidup, kita hidup bagi Tuhan; dan jika kita mati, kita mati bagi Tuhan. Oleh itu, baik kita hidup mahupun mati, kita adalah milik Tuhan.

⁹ Al-Masih mati dan bangkit lalu hidup semula untuk menjadi Tuhan kepada yang mati dan yang hidup.

¹⁰ Mengapakah kamu menghakimi saudaramu? Dan mengapa kamu menghina saudaramu? Kita semua akan berdiri di hadapan takhta penghakiman al-Masih.

¹¹ Kerana telah tersurat:

“Demi hidup-Ku,” Tuhan berfirman,
“Setiap orang akan bertekuk lutut di hadapan-Ku;
dan setiap lidah akan mengaku
kepada Allah.” ’

¹² Nyatalah bahawa setiap seorang daripada kita akan dipertanggungjawabkan memberi pernyataan tentang dirinya kepada Allah.

¹³ Oleh itu janganlah lagi kita menghakimi sesama sendiri. Sebaliknya bertekadlah tidak akan membuat saudaramu tersandung atau terjatuh. ¹⁴ Dalam Junjungan Isa, aku tahu dan percaya bahawa tiada sesuatu pun yang

najis. Namun, sesuatu menjadi najis bagi seseorang yang menganggapnya najis. ¹⁵ Sekiranya saudaramu bersedih kerana sesuatu yang kamu makan, maka kamu tidaklah lagi hidup berasaskan kasih. Jangan mudaratkan sesiapa disebabkan makananmu, kerana al-Masih telah berkorban nyawa untuk dia juga. ¹⁶ Jangan sampai sesuatu yang kamu anggap baik disebut sebagai kejahatan. ¹⁷ Kerajaan Allah bukanlah soal makan minum, tetapi menjalankan segala yang benar dan membawa kesejahteraan serta kegembiraan dalam Roh Suci. ¹⁸ Orang yang mengabdikan diri kepada al-Masih dengan cara ini akan diredai Allah dan disukai manusia.

¹⁹ Oleh itu marilah kita mengejar hal-hal yang membawa kesejahteraan dan yang membina kebaikan sesama sendiri. ²⁰ Jangan rosakkan rancangan Allah semata-mata kerana makanan! Semua makanan adalah suci, tetapi seseorang dianggap bersalah sekiranya sesuatu yang dimakannya menyebabkan orang lain tersandung. ²¹ Sebaik-baiknya jauhilah makan daging atau minum anggur atau apa sahaja yang dapat melemahkan saudaramu.

²² Apa yang kamu percayai, percayailah sendirian di hadapan Allah. Berbahagialah orang yang tidak perlu menyalahkan dirinya tentang sesuatu yang dipercayainya benar. ²³ Sebaliknya, seseorang yang makan sesuatu dengan perasaan waswas adalah bersalah kerana perbuatannya itu tidak berasaskan iman. Segala yang tidak berasaskan iman itu adalah dosa.

15

Menerima satu sama lain

¹ Yang kuat di kalangan kita hendaklah menampung kelemahan orang yang tidak kuat, dan jangan hanya menyukakan hati sendiri. ² Setiap orang haruslah

menyukakan hati saudaranya sesama manusia untuk kebbaikannya supaya dia menjadi teguh. ³ Al-Masih tidak menyukai hati-Nya sendiri; sebaliknya telah tersurat: 'Segala celaan daripada mereka yang mencela-Mu telah menimpa-Ku.' ⁴ Segala yang tersurat pada masa dahulu adalah untuk menjadi pengajaran kepada kita, supaya melalui kesabaran dan penglipuran daripada tulisan-tulisan suci itu kita mendapat harapan.

⁵ Semoga Allah yang memberikan kesabaran dan galakan, mengurniaimu perpaduan yang sama terhadap satu sama lain, menurut Isa al-Masih. ⁶ Dengan demikian dapatlah kamu dengan sebulat hati dan suara memuliakan Allah, Bapa Junjungan kita Isa al-Masih.

⁷ Terimalah satu sama lain, sebagaimana al-Masih telah menerima kita, demi kemuliaan Allah. ⁸ Sekarang aku berkata kepadamu bahawa Isa al-Masih telah menjadi hamba kepada umat yang bersunat demi kebenaran Allah, untuk meneguhkan janji yang telah dibuat kepada nenek moyang kita, ⁹ dan supaya bangsa-bangsa lain juga memuliakan Allah kerana belas kasihan-Nya, sebagaimana telah tersurat:

'Kerana itulah Aku akan memuliakan-Mu
dalam kalangan bangsa-bangsa lain,
menyanyikan pujian bagi nama-Mu.'

¹⁰ Seterusnya dikatakan lagi:

'Bergembiralah, semua bangsa,
bersama umat-Nya!'

¹¹ Kemudian,

'Pujilah Tuhan, hai semua bangsa!

Pujilah Dia, hai kamu semua manusia!’

¹² Yasyaya menyampaikan juga:

‘Akan ada tunas dari Isai,
Dialah yang bangkit memerintah
semua bangsa,
kepada-Nyalah semua bangsa akan
menaruh harapan.’

¹³ Semoga Allah, sumber harapan, memenuhi hatimu dengan kegembiraan dan kesejahteraan dalam iman, supaya kamu dilimpahi harapan dengan kuasa Roh Suci.

Pelayanan Paulus

¹⁴ Sekarang aku yakin tentangmu, saudara-saudaraku, bahawa kamu juga penuh dengan kebaikan dan pengetahuan serta dapat saling menasihati. ¹⁵ Namun begitu, saudara-saudaraku, aku telah menulis kepadamu dengan lebih tegas tentang hal-hal tertentu kerana kasih kurnia yang telah dikurniakan Allah kepadaku, ¹⁶ menjadikan aku hamba Isa al-Masih bagi bangsa-bangsa lain, menyampaikan berita baik daripada Allah, supaya persembahan bangsa-bangsa lain itu diterima Allah, disucikan oleh Roh Suci.

¹⁷ Dengan demikian aku dapat berbangga dalam Isa al-Masih tentang hal-hal berkaitan Allah. ¹⁸ Aku tidak akan berani bercakap tentang sesuatu selain yang telah dilakukan oleh al-Masih melaluiku, dengan kata-kata dan perbuatan, untuk menjadikan bangsa-bangsa lain itu taat, ¹⁹ dalam bentuk alamat dan keajaiban besar, dengan kuasa Roh Allah. Dari Baitulmaqdis dan sekitarnya sampai ke Ilirikum aku telah menyampaikan berita baik al-Masih. ²⁰ Aku ingin menyampaikan berita baik ini

ke tempat-tempat nama al-Masih belum disebut orang. Dengan demikian aku tidak membina di atas tapak yang telah diletakkan oleh orang lain. ²¹ Sebagaimana yang telah tersurat:

‘Mereka yang belum pernah mendapat
khabar tentang-Nya akan melihat,
dan mereka yang belum pernah mendengar
akan mengerti.’

²² Itulah sebabnya selalu sahaja tergendala hasratku hendak mengunjungimu.

Rancangan Paulus mengunjungi Rom

²³ Namun sekarang, kerana tiada lagi tempat bagiku di sini, dan sudah bertahun-tahun aku ingin melawatmu, ²⁴ aku berharap dapat singgah di tempatmu ketika aku ke Sepanyol dan dapat bertemu denganmu. Aku juga berharap kamu akan membantuku meneruskan perjalanan ke sana setelah sejenak aku bergembira bersamamu. ²⁵ Tetapi kini aku sedang dalam perjalanan ke Baitulmaqdis untuk membawakan bantuan kepada orang salih. ²⁶ Orang Makedonia dan Akhaya telah membuat keputusan turut membantu orang salih yang miskin di Baitulmaqdis. ²⁷ Ini dilakukan mereka dengan rela hati, malah mereka menganggapnya suatu kewajipan; kerana jika bangsa-bangsa lain telah mendapat bahagian bersama orang Israel dalam hal-hal rohani, maka seharusnya mereka membantu orang Israel dalam hal-hal lahiriah. ²⁸ Setelah menjalankan tugas ini dan menyeraikan apa yang telah dikumpulkan, aku akan belayar ke Sepanyol dan singgah di tempatmu. ²⁹ Aku yakin bahawa apabila ke tempatmu, aku akan datang dengan berkat al-Masih yang melimpah.

³⁰ Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, demi Junjungan Isa al-Masih dan demi kasih daripada Roh Suci, berdoalah bersungguh-sungguh bersamaku kepada Allah bagi diriku, ³¹ supaya aku terhindar daripada orang yang tidak beriman di Yudea dan supaya bantuan yang kubawakan ke Baitulmaqdis ini disambut baik oleh orang salih di situ; ³² supaya dengan izin Allah aku sampai di tempatmu dengan gembira dan dapat berehat bersamamu. ³³ Semoga Allah, sumber kesejahteraan, menyertai kamu semua. Amin.

16

Salam

¹ Aku amanahkan kepadamu Febe, saudari kita, seorang yang mengabdikan diri kepada jemaah di Kengkrea, ² supaya kamu menyambutnya dalam Tuhan sebagaimana yang wajar di antara orang salih, serta membantunya apabila dia memerlukan pertolonganmu, kerana dia telah menolong ramai orang, termasuklah aku.

³ Sampaikan salamku kepada Priskila dan Akwila, rakan-rakan seperjuanganku dalam Isa al-Masih. ⁴ Mereka telah bergadai nyawa untukku. Bukan aku saja yang terhutang budi kepada mereka, malah seluruh jemaah dari bangsa-bangsa lain.

⁵ Salam kepada jemaah yang berhimpun di rumah mereka.

Salam kepada Epenetus, saudara yang kukasihi, orang yang pertama beriman kepada al-Masih di Asia.

⁶ Salam kepada Maryam, yang telah bertungkus-lumus untukmu.

⁷ Salam kepada Andronikus dan Yunias, saudara-saudara sebangsaku dan teman-temanku dalam penjara.

Mereka adalah orang terkemuka di antara para rasul, dan yang telah menerima al-Masih sebelumnya.

⁸ Salam kepada Ampliatus yang kukasihi dalam Tuhan.

⁹ Salam kepada Urbanus, rakan seperjuangan kamu dalam al-Masih, dan juga kepada Stakhis yang kukasihi.

¹⁰ Salam kepada Apeles, yang terbukti setia dalam al-Masih. Salam kepada Aristobulus dan seisi rumahnya.

¹¹ Salam kepada Herodion, saudara sebangsaku.

Salam kepada Narkisus sekeluarga, yang hidup dalam Tuhan.

¹² Sampaikan salamku kepada Trifena dan Trifosa, yang telah berpenat-lelah dalam Tuhan.

Salam kepada Persis yang kukasihi, yang juga telah bertungkus-lumus dalam Tuhan.

¹³ Salam kepada Rufus, hamba yang terpilih dalam Tuhan, dan kepada ibunya, yang telah menjadi ibu juga kepadaku.

¹⁴ Salam kepada Asinkritus, Flegon, Hermes, Patrobas, Hermas dan saudara-saudara yang bersama mereka.

¹⁵ Salam kepada Filologus dan Yulia, Nereus dan saudara perempuannya Olimpas, serta semua orang salih yang bersama mereka.

¹⁶ Bersalam-salamanlah dengan ciuman suci.

Jemaah-jemaah al-Masih berkirim salam kepadamu.

¹⁷ Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, berwaspada terhadap mereka yang menimbulkan perpecahan dan menyesatkan orang daripada ajaran yang telah kamu terima. Berpalinglah daripada mereka. ¹⁸ Orang demikian bukanlah hamba Junjungan al-Masih tetapi hamba kepada hawa nafsu mereka sendiri. Mereka memperdaya orang yang lurus dengan kata-kata yang manis.

¹⁹ Semua orang telah mengetahui ketaatanmu. Oleh itu

aku bergembira tentangmu. Aku mahu kamu bijak dalam kebaikan serta bersih daripada kejahatan.

²⁰ Allah, sumber kesejahteraan, akan segera membuat Iblis hancur di bawah kakimu. Semoga kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih menyertai kamu semua.

²¹ Timotius, rakan seperjuanganku, berkirim salam kepadamu; begitu juga Lukius, Yason dan Sosipater, kawan-kawan sebangsaku.

²² Aku, Tertius, yang menulis surat ini, juga berkirim salam kepadamu dalam Tuhan.

²³ Gayus, yang memberiku tempat menumpang serta semua jemaah yang berhimpun di rumahnya, berkirim salam kepadamu.

Salam juga daripada Erastus, bendahara kota, dan Kuartus, saudara kita.

²⁴ Semoga kasih kurnia Junjungan kita Isa al-Masih menyertai kamu semua.

²⁵ Sekarang, kepada Dia yang berkuasa meneguhkan kamu menurut berita baik yang kusampaikan dan ajaran Isa al-Masih, menurut pernyataan rahsia yang tersembunyi sejak permulaan dunia ²⁶ tetapi kini telah dinyatakan, dan melalui nubuat-nubuat dalam kitab suci telah disampaikan kepada semua bangsa, menurut perintah Allah yang kekal, supaya mereka dibawa mentaati iman; ²⁷ kepada Allah, yang satu-satunya bijaksana, segala kemuliaan melalui Isa al-Masih selama-lamanya. Amin.

Kitab Suci Zabur dan Injil

Contextualized New Testament in the Malay language of Malaysia.

Copyright © 2013 Pengamat Kitab Mulia

Language: Bahasa Malaysia (Malay)

This translation is made available to you under the terms of the Creative Commons Attribution-No Derivatives license 4.0.

You may share and redistribute this Bible translation or extracts from it in any format, provided that:

You include the above copyright and source information.

You do not make any derivative works that change any of the actual words or punctuation of the Scriptures.

Pictures included with Scriptures and other documents on this site are licensed just for use with those Scriptures and documents. For other uses, please contact the respective copyright owners.

2014-04-01

PDF generated using Haiola and XeLaTeX on 29 Jan 2022 from source files dated 14 Jan 2022

648b665b-0b0d-5152-8152-17df023a0827